

## Inti tawar kursus IT dalam negara

KOLEJ Inti akan menjalankan program Sarjana Muda Sains dalam bidang Teknologi Maklumat dan Pengkomputeran yang ditawarkan oleh Universiti Coventry, United Kingdom secara sepenuhnya di dalam negara, mulai tahun ini.

Berikutan itu, kolej berkenaan akan mengambil 100 lagi pelajar baru untuk mengikuti program berkenaan, April ini.

Pengerusi Lembaga Pengarah Kolej Inti, Tan Sri Dr Abdul Majid Ismail, berkata dengan langkah itu, program

berkenaan akan mampu menarik lebih ramai pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM).

Tambahan pula, katanya, kursus pengajian itu kini menjadi lebih singkat iaitu dua tahun lapan bulan berbanding tiga tahun lapan bulan sebelum ini.

"Pelajar juga kini hanya perlu membayar yuran RM35,000 sepanjang pengajian mereka berbanding RM80,000 setahun untuk menamatkan pengajian mereka di Universiti Coventry," ka-

tanya selepas menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman antara Kolej Inti dengan Universiti Coventry, semalam.

Dalam majlis itu, Kolej Inti diwakili Presidennya, Tan Yew Sing manakala Universiti Coventry oleh Naib Canselornya, Prof Robert J Pryce.

Sebelum ini, pelajar yang mengikuti kursus berkenaan akan mengikuti pengajian mereka selama dua tahun lapan bulan di Kolej Inti sebelum melanjutkan pengajian selama setahun lagi

di Universiti Coventry.

Pengambilan untuk mengikuti kursus itu akan dibuat tiga kali setahun iaitu pada April, Ogos dan Disember.

Sementara itu, Tan berkata, melalui MOU itu, Kolej Inti dapat menjimatkan RM240 juta perbelanjaan pengajian pelajarannya ke luar negara.

Beliau berkata, dalam keadaan ekonomi sekarang, kolej swasta perlu menyediakan lebih banyak tempat kepada pelajar tempatan mengikuti pengajian di dalam negara.